

Projek2 bandar baru Kuantan Peranan sektor swasta amat penting — MB

MENTERI Besar, Haji Abdul Rahim Abu Bakar, memberi jaminan kepada sektor swasta mereka tidak akan menghadapi masalah 'red tape' dalam melaksanakan projek-projek pembangunan bandar baru Kuantan.

Katanya, tanah-tanah yang bakal dimajukan oleh pihak swasta telah ditukar milik dan hanya menunggu proses pelaksanaan sahaja.

Haji Abdul Rahim berkata,

KUANTAN, Ahad

kerajaan telah merangka strategi pelaksanaan bandar baru itu dengan menekankan cara-cara yang praktikal supaya projek ini dapat dilaksana dan disiapkan mengikut jadual rancangannya tanpa menjejaskan hasrat dan matlamat kerajaan.

Katanya, setelah diteliti kerajaan merasakan penglibatan pihak swasta sangat penting dan berkesanan dalam usaha mem-

bangunkan bandar baru itu.

"Kerajaan memang memerlukan kemahiran teknikal pihak swasta di samping sumbangan modal bagi pelaksanaan projek," jelasnya ketika berucap di pelancaran bandar baru Kuantan kira-kira lima kilometer dari sini semalam yang dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Haji Abdul Rahim memberi jaminan strategi itu tidak merugikan mana-mana pihak, sebaliknya membawa keuntungan kepada kerajaan dan swasta.

Katanya, dengan menyertailah pelaksanaan projek-projek pembangunan kawasan itu, sektor swasta tidak perlu lagi melalui proses-proses biasa dan dapat mengelakkan berlakunya 'red tape' dalam melaksanakan projek-projek mereka.

Di samping itu katanya, kejayaan membangunkan bandar baru itu juga bergantung kepada kerjasama semua pihak sama ada kerajaan, swasta serta rakyat sendiri.

Penting

Bellau berharap menjelang tahun 2000 bandar baru itu akan menjadi pusat perdagangan utama yang dilengkapkan dengan kemudahan-kemudahan perdagangan antarabangsa.

Di samping itu ia juga akan menjadi pusat perkhidmatan penting bagi wilayah Pantar Timur melalui penubuhan tempat-tempat riadah, pusat membeli-belah moden, pusat pengajian tinggi serta perkhidmatan kesihatan pakar dan jenis-jenis rumah moden untuk semua lapisan masyarakat.

Di upacara pelancaran bandar baru itu, Haji Abdul Rahim menerima cek bernilai \$8.624 juta dari Datuk Seri Dr. Mahathir untuk membiayai projek awal pembangunan bandar tersebut.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri
No. Pendaftaran